

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	15 JUNE 2016

## Najib nafi salah guna kedudukan, jawatan

UM - 15/6/2016

**KUALA LUMPUR 14 Jun** - Datuk Seri Najib Tun Razak menafikan telah menggunakan kedudukannya sebagai Perdana Menteri untuk mengganggu siasatan mana-mana kementerian atau pihak berkuasa berhubung isu 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

"Saya tidak pernah menyalahgunakan kedudukan sebagai Perdana Menteri, Menteri Kewangan, Pengerusi Barisan Nasional (BN) dan Presiden UMNO untuk meneruskan amalan rasuah seperti yang didakwa. Dengan itu, plaintif perlu membuktikan semua dakwaan yang dibuat mereka," tegas Ahli Parlimen Pekan itu.

Tambahnya, tiada apa yang didakwa oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad; bekas Naib Ketua UMNO Bahagian Batu Kawan, Datuk Seri Khairuddin Abu Hassan; dan bekas ahli Wanita UMNO Langkawi, Anina Saadudin dalam pernyataan tuntutan mereka menunjukkan berlakunya salah laku berkaitan kes 1MDB dan dana RM2.6 bilion.

Najib berkata demikian dalam pernyataan pembelaannya yang difailkan semalam melalui firma guaman, Tetuan Hafarizam Wan Aisha Mubarak di Mahkamah Tinggi di sini dan diperolehi oleh pihak media hari ini.

Pada 23 Mac lalu, Dr. Mahathir, 90, Khairuddin, 54, dan Anina, 41, selaku plaintif pertama hingga ketiga memfailkan saman terhadap Najib atas dakwaan salah laku.

Mereka memohon perisytiharan bahawa Najib melakukan perbuatan salah laku dalam jawatan awam selaku Perdana Menteri, Pengerusi BN dan Presiden UMNO dengan mengganggu siasatan dakwaan salah laku kewangan berhubung 1MDB dan syarikat berkaitan serta siasatan aliran masuk RM2.6 bilion dan RM42 juta daripada SRC International ke dalam akaun peribadinya.

Permohonan Najib untuk membatalkan saman itu akan didengar di hadapan Hakim Mahkamah Tinggi di sini, Abu Bakar Jais pada 23 Jun ini.

Menurut pernyataan pembelaan tersebut, Najib menyatakan, tindakan pihak polis untuk menyoal siasat Dr. Mahathir ber-

hubung kenyataan yang dikatakan memfitnah Peguam Negara, Tan Sri Mohamed Apandi Ali adalah prerogatif pihak polis dan tiada kaitan dengan dirinya.

Menurutnya, beliau tidak mempunyai sebarang kawalan terhadap kuasa dan tugas yang dijalankan oleh Mohamed Apandi dan Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar serta pegawai-pegawainya kerana tugas mereka telah digariskan dalam Perlembagaan Persekutuan.

Beliau juga mendakwa bahawa Khairuddin tidak mempunyai kausa tindakan terhadap dirinya kerana plaintif kedua itu sendiri tidak menggunakan peruntukan undang-undang sedia ada bagi memulakan tindakan atas dakwaan penahanan salah terhadap pihak berkuasa yang menahannya.

"Plaintif ketiga yang merupakan bekas ahli UMNO dan terakluk di bawah Perlembagaan UMNO secara kontraktual dan sebarang kausa tindakan, sekiranya ada, adalah terhadap UMNO atau pegawai-pegawai pertubuhan itu," katanya.

Selain itu, Najib menyatakan, bagi membuktikan berlakunya salah laku sebagai penjawat awam, kesemua plaintif perlu membuktikan bahawa beliau adalah seorang kakitangan kerajaan.

"Selaku Pengerusi BN dan Presiden UMNO saya tidak menjalankan tugas sebagai penjawat awam mahupun bertindak sebagai fidusiari seperti yang dikatakan oleh kesemua plaintif," katanya.

Sementara itu, dakwaan berkaitan pemecatan bekas Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin adalah satu pelaksanaan prerogatif diraja sebagaimana terkandung dalam Perkara 43(5) Perlembagaan Persekutuan.

Berhubung tuntutan ganti rugi teladan sebanyak RM2.6 bilion dan ganti rugi teruk sebanyak RM42 juta untuk dibayar kepada kerajaan Malaysia, Najib menyatakan tuntutan tersebut adalah tidak wajar kerana ia tidak dinamakan sebagai pihak dalam saman tersebut.

Oleh yang demikian, Najib memohon agar saman tersebut ditolak dengan kos.